



## **SIARAN MEDIA**

### **JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

#### **PROJEK NAIK TARAF INFRASTRUKTUR SEKOLAH ANGKAT MADANI JANM SIAP DILAKSANAKAN**

Rawang, 2 Disember 2025 – Projek Sekolah Angkat MADANI (SAM) Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah siap dilaksanakan hari ini. Majlis penyerahan projek telah disempurnakan oleh Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP), JANM, YBr. Tuan Tarmizi bin Tamby Chik.

Turut hadir dalam program ini adalah Guru Besar Sekolah Kebangsaan (S.K) Rawang, YBr. Puan Rozita binti Othman @ Ali, Pegawai Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, YBr. Tuan Hairudin bin Saman dan Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Gombak, YBr. Tuan Othman bin Arbain.

Pelaksanaan projek naik taraf infrastruktur melibatkan tapak perhimpunan, tandas murid, dapur kantin dan kerja mengecat bangunan. Selain itu, JANM turut menaik taraf dewan besar dengan kerja-kerja elektrik lampu dan kipas serta pelaksanaan kerja-kerja pemasangan penyaman udara dan penyelenggaraan penyaman udara sedia ada. Penaiktarafan ini dilaksanakan melalui peruntukan Projek SAM yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pada 20 Jun 2025. Melalui projek ini setiap agensi kerajaan diperuntukkan RM100,000 untuk menaik taraf infrastruktur SAM masing-masing.

JANM turut menyumbang keperluan sekolah iaitu 10 unit set sofa, 10 unit meja bulat dan 20 unit kerusi banquet bagi melengkapkan ruang kerja pentadbiran sekaligus meningkatkan kecekapan pengurusan harian sekolah.

Sekolah Kebangsaan Rawang telah terpilih sebagai SAM di bawah JANM dan dilancarkan oleh Mantan Akauntan Negara Malaysia (ANM), YBhg. Datuk Nor Yati binti Ahmad pada 11 Ogos 2025. Penyempurnaan projek infrastruktur

JANM di S.K Rawang membuktikan kerjasama rentas agensi berupaya menambahbaik pembangunan institusi pendidikan peringkat akar umbi. JANM menerusi keupayaan penyeliaan dan kecekapan pengelolaan kewangan selari dengan peranannya sebagai peneraju perakaunan sektor awam telah memastikan projek naik taraf infrastruktur sekolah angkatnya dilaksanakan dengan lancar dan jayanya.

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**  
**2 DISEMBER 2025**